



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2023 JULY EXAMINATION**

GENERAL PAPER

Monday, 17 July 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) QUESTIONS.**
 - * ANSWER ALL THE QUESTIONS.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 2 questions printed on 10 pages)

1. Answer ALL parts of this question

Abel has a successful art dealership business, with his business address in TREX Kuala Lumpur. He lives in Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur (“TTDI”). On 15 January 2023, Abel made a call to a landscape contractor, Ah Keong. Abel wanted Ah Keong to redo the garden at his house in TTDI.

Ah Keong visited Abel’s 2-storey detached house on 18 January 2023. He had about eight (8) trees at the back compound of his house. Abel informed Ah Keong that he would like all the eight (8) existing trees currently growing at the back compound of his house be transferred to and arranged at the front garden of his house. This was intended to help shade some of the late afternoon sunlight that shines into Abel’s house so that Abel’s house would receive less heat from the sun. Also, the trees, that were already fully grown and matured, would provide some privacy. Since the trees would be transferred to the front garden of his house, Abel wanted a fountain to be constructed in their place. Abel informed Ah Keong that there were underground water pipes and electrical cables at the back compound of his house.

Ah Keong said to Abel that he would be able to undertake the works. He assured Abel that he and his workers will not cause any damage to the underground water pipes and electrical cables. Ah Keong said that he needed about five (5) weeks to complete the works, and the contract price to undertake the works would be RM200,000.00. He also wanted Abel to pay 50% upfront as deposit for the cost of the works. The balance 50% of the contract price was to be paid upon completion of the works.

Abel agreed with the terms proposed by Ah Keong. He issued a cheque in favour of Ah Keong for RM100,000.00.

On 25 January 2023, Ah Keong and three (3) of his workers started work to transfer the trees to the front of Abel’s house. Abel was about to leave the house

when he (Abel), in a casual conversation, informed Ah Keong that there were some art pieces he brought over from his business premises to be stored in his house.

Ah Keong and his workers worked from 25 January 2023 for a few days. They managed to complete transferring the eight (8) trees to the front of Abel's house on 30 January 2023. However, when they were digging and uprooting the trees from the ground, they accidentally damaged some underground water pipes and electrical cables. Without telling Abel, Ah Keong and his workers repaired the damage to the underground water pipes and electrical cables. Ah Keong knew that the repairs could only work temporarily, and that unless a more permanent solution was found, there could be problems with water leakage and electricity outage in the future.

As Ah Keong had concerns that the damaged water pipes and electrical cables would cause problems in the future, he no longer wanted to work on the fountain. On 2 February 2023, Ah Keong came to see Abel and demanded full payment of the balance contract price of RM100,000.00 from Abel before he would continue with the works. Abel refused to pay this balance sum of RM100,000.00 as he had informed Ah Keong that the amount was only due upon completion of the works. Ah Keong then walked off and informed Abel that he would not do any further work for Abel.

Abel was furious. Ah Keong and his workers had left behind a mess at the back compound of his house with the earth all over and holes in the ground from the uprooted trees. There were also pools of water on the ground.

On 5 February 2023, Abel contacted another contractor, Ah Lee, to assist him with filling the ground and generally cleaning up the mess left behind by Ah Keong.

Ah Lee started work on 8 February 2023. While doing his work, Ah Lee noticed the shoddy repair work done on the water pipes and electrical cables by Ah Keong

and his workers. Ah Lee quickly informed Abel about this. Their conversation proceeded as follows:

Ah Lee: *Mr. Abel, I noticed that some water pipes and electrical cables had been broken and reconnected. However, the water pipes were not properly repaired, and many pipes are leaking. This has caused water to collect around the area of your back compound. The damage to the water pipes is so extensive that they cannot be repaired. You will have to replace completely the water pipes around the back compound to prevent any more leakages. Also, there was an earlier damage to the underground electrical cables. Some new cables were used to repair the damage, but those new cables were of the wrong specification. If the electrical cables were not completely replaced, there could be some short-circuit in the future, and your house may catch fire as a result.*

Abel: *Oh my goodness, this must have been caused by Ah Keong. How much would it cost to replace the water pipes and cables?*

Ah Lee: *The replacement cost of the water pipes and cables would be about RM300,000.00. However, I cannot start the replacement works immediately because I would need to order the materials. I can only start work sometime at the end of this month.*

Abel agreed to engage Ah Lee to work on replacing the water pipes and cables, and paid Ah Lee a deposit of RM30,000.00.

A thunderstorm occurred in the evening of 20 February 2023. This caused more water damage at the back compound of Abel's house. As a result of accumulation of water in the ground, the electrical cables suffered a short-circuit, which resulted in a fire to Abel's house. Abel's house was completely burned to the ground because of the fire. Fortunately for Abel and his family, they were all out having dinner, so no one was hurt.

As a result of the fire, Abel and his family had to find alternative accommodations. They checked into a hotel on 21 February 2023 and have been paying RM600.00 a night for the three (3) rooms that they had booked.

Abel suffered substantial losses from the fire that burned his house. He estimated that the cost of rebuilding his house together with furnishings would be about RM1.5 million. It would take about one (1) year to rebuild his home completely. Also, he had an expensive Steinway grand piano that he bought for RM250,000.00 in 2020 and had bought several art pieces recently for RM2 million. These art pieces were stored in his house instead of his art dealership business premises at TREX because he brought them home to be shown to prospective buyers. The Steinway grand piano and art pieces were completely destroyed. In addition, he had kept cash in local and foreign currencies, amounting to about RM350,000.00 that was also lost in the fire.

Abel wishes to sue Ah Keong for his losses. He has discovered that Ah Keong has a successful business that generates about RM2 million in annual revenue. Ah Keong also owns a shophouse at Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur worth RM4 million, and two houses in Kajang, Selangor, both collectively worth about RM1.5 million.

(a) Advise Abel on whether there is sufficient evidence to support a claim for breach of contract against Ah Keong?

(10 marks)

(b) Assuming liability is established against Ah Keong, what are the remedies available to Abel?

(25 marks)

(c) Settle a Statement of Claim on Abel's behalf.

(15 marks)

2. Answer ALL parts of this question

Ahmad seeks your advice in respect of the following incident. He states:

“I want you to act for me or my son, Janead in respect of an industrial accident on 28 December 2019.

My son, Janead is from Bangladesh. He was recruited to work in Malaysia in early 2018. He had been engaged by STAR Engineering Services, an air-conditioning and mechanical ventilation services company, although his passport shows that his formal employer is Zenith Electrics.

On 28 December 2019, he was sent to Triple Towers Luxury Condominium (Triple Towers). Triple Towers is managed by Luxury Management Corporation. I was told by the police that he used a fireman’s ladder to climb to the top of a chiller in the mechanical and electric room. While standing on top of the chiller, he used his mobile phone to take photographs of one of the switches. He held his phone in one hand and used his other hand to zoom in for a close up of the flow switch before he fell 10 feet. He is now paralysed from the neck down. There were no guard-rails at the top of the chiller and Janead’s employer did not provide him with any safety harness or belt.

At the time of the incident, he was 32 years old and was earning RM3,000.00 a month. He would send me RM1,800.00 a month which I would use to take care of his wife, Khatijah and his two children, Ali and Baidu.

Janead spent 125 days at KL Sun Hospital and another 150 days at KL General Hospital. Thereafter, due to insufficient funds, I had no choice but to fly him back home to Dhaka. He is now staying permanently with the family. He cannot move and his wife had to leave her factory job where she was earning around RM600.00 a month in Dhaka to take care of him.

His formal employer had paid for his flight home but had failed to extend his SOCSO (PERKESO) coverage in 2019 and there was no insurance coverage.

I managed to raise RM50,000.00 to cover the hospital bills but I still owe Hospital Sun RM25,000.00.

I have been to two other lawyers but when one of the lawyers sent a notice of demand, STAR Engineering Services which is owned by Ibrahim Ali [NRIC No: 500505-05-5555] and Zenith Electrics which is owned by his brother Zaman Ali [NRIC No: 530303-05-7778] had denied liability and wanted me to deposit a sum of RM100,000.00 with their lawyers as security for costs. I cannot afford to do so.

I have brought the following documents:

- a. Police report by A. Mahadevan, a supervisor in STAR Engineering Services.
- b. Specialist Medical Report by Dr. Mohan from Kuala Lumpur General Hospital.

I have also spent:

- a. RM5,000.00 for flights ticket from Dhaka to Kuala Lumpur.
- b. RM17,500.00 for accommodation and travel costs to the hospital.”.

- (a) **You are to comprehensively advise on the possible causes of action that arise. Your advice should also indicate any defences as to liability available to any person or persons identified as prospective defendant or defendants. Your advice should also cover the issue of how the law can protect Janead.**

(15 marks)

- (b) **If you come to the conclusion that there is a cause of action available, you are to advise on the various items of damages claimable, as a result of the incident, explaining carefully how such damages are assessed by the Court. You are to advise on the principle relevant to the assessment of damages in this case.**

(15 marks)

- (c) **Settle a Statement of Claim to be filed against the person or persons liable for such damages arising from the possible causes of action.**

(20 marks)

APPENDIX A**POLICE REPORT**

POLICE STATION : BRICKFIELDS
REPORT NO : 999/19
PERSON MAKING REPORT : A. MAHADEVAN
DATE & TIME OF REPORT : 29 DECEMBER 2019 @ 2AM
GENDER : MALE
AGE : 46 YEARS OLD
OCCUPATION : SUPERVISOR OF STAR ENGINEERING SERVICES

At about 4.30 pm on 28.12.2019, I was instructed by my boss, Ibrahim Ali to go to Triple Towers Luxury Condominium. I took along a worker by the name of Janead Ahmad [Bangladesh Passport No: A777444444]. We were there to repair the chiller. We brought our own 20 feet fireman ladder which Janead used to climb to the top of the chiller on my instructions. When he reached the top, he used his mobile phone to take photographs of the chiller again on my instructions. Suddenly, he fell from 10 feet and his back hit the cement floor. He could not move. I called the ambulance and he was rushed to the nearest hospital i.e., Sun Hospital around 6 pm. He was admitted there and was still unconscious when I left the hospital.

Sgd

.....

A. Mahadevan

APPENDIX B**KL General Hospital****Specialist Medical Report****Our Ref: 5577/2020****Date: 17.7.2020****Re: Medical Report on Janead Ahmad**

The above named was transferred to this Hospital on 3.5.2020 from Sun Hospital. He had been involved in a work incident where he had fallen from a height of around 10 feet.

As a result of the incident, he sustained:

- a. Severe fracture of thoracic 12 vertebrae (T12)
- b. Severe dislocation at T11-T12 vertebrae level
- c. Total paralysis of all limbs due to the spinal injury
- d. Incontinence – requiring continuous intermittent self-catheterisation

He cannot lead a normal life as a result of the paralysis.

He would have a life expectancy of around 25 years from the date of the injury and would need either a domestic helper or a family member to take care of him. He requires a special ripple mattress and a high-low function electric bed apart from a commode wheelchair. He requires change of 2 diapers daily and urinary catheters to empty his bladder.

Thank you.

Sgd

.....

Dr. Mohan

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN BULAN JULAI 2023**

KERTAS AM

Isnin, 17 Julai 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

***KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) SOALAN.**

***JAWAB SEMUA SOALAN.**

***BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**

***KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH
DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan yang dicetak pada 12 muka surat)

1. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Abel mempunyai suatu perniagaan urus niaga hasil seni yang berjaya, dengan alamat perniagaannya di TREX Kuala Lumpur. Dia tinggal di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur (“TTDI”). Pada 15 Januari 2023, Abel membuat panggilan telefon kepada seorang kontraktor landskap, Ah Keong. Abel mahu Ah Keong membuat semula taman di rumahnya di TTDI.

Ah Keong melawat rumah berkembar dua tingkat Abel pada 18 Januari 2023. Dia mempunyai lebih kurang lapan (8) batang pokok di halaman belakang rumahnya. Abel memaklumkan Ah Keong bahawa dia ingin kesemua lapan (8) batang pokok sedia ada yang kini sedang membesar di halaman belakang rumahnya dipindahkan ke dan disusun di taman bahagian hadapan rumahnya. Ini bertujuan untuk membantu meneduhi sebahagian cahaya matahari lewat petang yang menyinari rumah Abel supaya rumah Abel akan menerima kurang haba daripada matahari. Di samping itu, pokok-pokok itu, yang telah membesar dan matang sepenuhnya, akan memberikan privasi. Memandangkan pokok-pokok itu akan dipindahkan ke taman bahagian hadapan rumahnya, Abel mahu suatu air pancut dibina sebagai ganti pokok-pokok itu. Abel memaklumkan Ah Keong bahawa terdapat paip air dan kabel elektrik bawah tanah di halaman belakang rumahnya.

Ah Keong berkata kepada Abel yang dia mampu untuk melaksanakan kerja itu. Dia memberikan jaminan kepada Abel yang dia dan pekerjaannya tidak akan menyebabkan apa-apa kerosakan kepada paip air dan kabel elektrik bawah tanah itu. Ah Keong berkata bahawa dia memerlukan lebih kurang lima (5) minggu untuk menyiapkan kerja itu, dan harga kontrak untuk melaksanakan kerja itu ialah RM200,000.00. Dia juga mahu Abel membayar 50% pendahuluan sebagai deposit bagi kos kerja tersebut. Baki 50% daripada harga kontrak itu hendaklah dibayar apabila kerja itu disiapkan.

Abel bersetuju dengan terma yang dicadangkan oleh Ah Keong. Dia mengeluarkan sekeping cek atas nama Ah Keong berjumlah RM100,000.00.

Pada 25 Januari 2023, Ah Keong dan tiga (3) orang pekerjaanya telah memulakan kerja untuk memindahkan pokok-pokok itu ke bahagian hadapan rumah Abel. Semasa Abel hendak meninggalkan rumahnya dia (Abel), dalam suatu perbualan yang bersahaja, memaklumkan Ah Keong bahawa terdapat beberapa hasil seni yang dibawa olehnya dari premis perniagaannya untuk disimpan di dalam rumahnya.

Ah Keong dan pekerjaanya bekerja mulai 25 Januari 2023 selama beberapa hari. Mereka berjaya memindahkan kesemua lapan (8) batang pokok itu ke bahagian hadapan rumah Abel pada 30 Januari 2023. Walau bagaimanapun, semasa mereka menggali dan mencabut pokok-pokok itu daripada tanah, mereka secara tidak sengaja telah merosakkan sebahagian paip air dan kabel elektrik bawah tanah itu. Tanpa memberitahu Abel, Ah Keong dan pekerjaanya telah membaiki kerosakan pada paip air dan kabel elektrik bawah tanah itu. Ah Keong mengetahui bahawa pembaikan itu hanya berfungsi secara sementara, dan bahawa melainkan jika suatu penyelesaian yang lebih kekal ditemui, berkemungkinan akan terdapat masalah kebocoran air dan gangguan bekalan elektrik pada masa hadapan.

Memandangkan Ah Keong mempunyai kebimbangan bahawa paip air dan kabel elektrik yang rosak itu akan menyebabkan masalah pada masa hadapan, dia tidak lagi mahu mengusahakan air pancut itu. Pada 2 Februari 2023, Ah Keong datang untuk berjumpa dengan Abel dan meminta bayaran penuh baki harga kontrak sebanyak RM100,000.00 daripada Abel sebelum dia meneruskan kerja itu. Abel enggan membayar jumlah baki sebanyak RM100,000.00 itu memandangkan dia telah memaklumkan Ah Keong bahawa amaun itu hanya kena dibayar apabila kerja itu disiapkan. Ah Keong kemudiannya berjalan pergi dan memaklumkan Abel bahawa dia tidak akan melakukan apa-apa kerja lagi untuk Abel.

Abel menjadi berang. Ah Keong dan pekerjaanya telah meninggalkan keadaan yang bersepah-sepah di halaman belakang rumahnya dengan tanah di merata-rata tempat dan lubang-lubang di dalam tanah daripada pokok-pokok yang dicabut itu. Di situ juga terdapat takungan air di atas tanah.

Pada 5 Februari 2023, Abel menghubungi seorang kontraktor lain, Ah Lee, untuk membantunya menimbus tanah dan secara amnya membersihkan keadaan yang bersepah-sepah yang ditinggalkan oleh Ah Keong.

Ah Lee memulakan kerja pada 8 Februari 2023. Semasa membuat kerjanya, Ah Lee menyedari kerja pembaikan yang kurang bermutu yang dilakukan pada paip air dan kabel elektrik itu oleh Ah Keong dan pekerjaanya. Ah Lee dengan segera memaklumkan Abel mengenai perkara itu. Perbualan mereka diteruskan seperti yang berikut:

Ah Lee: *Encik Abel, saya menyedari bahawa sebahagian paip air dan kabel elektrik telah pecah dan disambung semula. Walau bagaimanapun, paip air itu tidak dibaiki dengan sepatutnya, dan banyak paip yang bocor. Ini telah menyebabkan air berkumpul di sekeliling kawasan halaman belakang kamu. Kerosakan pada paip air itu sangat besar yang paip air itu tidak boleh dibaiki. Kamu perlu menggantikan sepenuhnya paip air di sekeliling halaman belakang itu untuk mencegah apa-apa kebocoran lagi. Di samping itu, terdapat kerosakan terdahulu pada kabel elektrik bawah tanah. Beberapa kabel baharu telah digunakan untuk membaiki kerosakan itu, tetapi kabel baharu itu adalah salah spesifikasinya. Jika kabel elektrik itu tidak digantikan sepenuhnya, berkemungkinan terdapat litar pintas pada masa hadapan, dan rumah kamu mungkin akan terbakar akibat daripadanya.*

Abel: *Oh tuhanku, ini mesti disebabkan oleh Ah Keong. Berapa banyakkah kos untuk menggantikan paip air dan kabel itu?*

Ah Lee: *Kos penggantian paip air dan kabel itu adalah lebih kurang RM300,000.00. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh memulakan kerja penggantian itu dengan serta-merta kerana saya perlu menempah bahan-bahan tersebut. Saya hanya boleh memulakan kerja dalam hujung bulan ini.*

Abel bersetuju untuk mengguna khidmat Ah Lee untuk mengusahakan penggantian paip air dan kabel itu, dan telah membayar deposit sebanyak RM30,000.00 kepada Ah Lee.

Suatu ribut petir telah berlaku pada petang 20 Februari 2023. Ini telah menyebabkan lebih banyak kerosakan disebabkan oleh air di halaman belakang rumah Abel. Akibat daripada pengumpulan air di dalam tanah, kabel elektrik itu mengalami litar pintas, yang mengakibatkan rumah Abel terbakar. Rumah Abel telah hangus sepenuhnya disebabkan kebakaran itu. Abel dan keluarganya bernasib baik, mereka semua berada di luar sedang menikmati makan malam, maka tiada seorang pun yang cedera.

Akibat daripada kebakaran itu, Abel dan keluarganya terpaksa mencari tempat penginapan alternatif. Mereka mendaftar masuk ke suatu hotel pada 21 Februari 2023 dan sejak itu telah membayar RM600.00 bagi setiap malam untuk tiga (3) buah bilik yang telah ditempah oleh mereka.

Abel menanggung kerugian besar akibat kebakaran yang telah membakar rumahnya. Dia menganggarkan kos untuk membina semula rumahnya bersekali dengan perlengkapan adalah lebih kurang RM1.5 juta. Ia akan mengambil masa lebih kurang satu (1) tahun untuk membina semula rumahnya itu sepenuhnya. Di samping itu, dia mempunyai sebuah piano besar Steinway yang mahal yang dibelinya dengan harga RM250,000.00 pada tahun 2020 dan telah membeli beberapa hasil seni baru-baru ini dengan harga RM2 juta. Hasil seni tersebut telah disimpan di dalam rumahnya dan bukan di dalam premis perniagaan urus niaga hasil seninya di TREX kerana dia telah membawa hasil seni tersebut ke rumahnya

untuk ditunjukkan kepada bakal pembeli. Piano besar Steinway dan hasil seni itu telah musnah sepenuhnya. Sebagai tambahan, dia telah menyimpan wang tunai dalam mata wang tempatan dan asing, yang berjumlah lebih kurang RM350,000.00 yang turut hilang dalam kebakaran itu.

Abel berhasrat untuk membawa guaman terhadap Ah Keong bagi kerugiannya. Dia telah mendapat tahu bahawa Ah Keong mempunyai suatu perniagaan yang berjaya yang menjana pendapatan tahunan lebih kurang RM2 juta. Ah Keong juga mempunyai sebuah rumah kedai di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur yang bernilai RM4 juta, dan dua buah rumah di Kajang, Selangor, yang secara kolektif kedua-duanya bernilai lebih kurang RM1.5 juta.

(a) **Berikan nasihat kepada Abel sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk menyokong tuntutan bagi kemungkiran kontrak terhadap Ah Keong?**

(10 markah)

(b) **Seandainya liabiliti dapat dibuktikan terhadap Ah Keong, apakah remedi yang tersedia untuk Abel?**

(25 markah)

(c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan bagi pihak Abel.**

(15 markah)

2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Ahmad meminta nasihat anda berkenaan dengan kejadian yang berikut. Dia menyatakan:

“Saya mahu kamu untuk mewakili saya atau anak lelaki saya, Janead berkenaan dengan suatu kemalangan perindustrian pada 28 Disember 2019.

Anak lelaki saya, Janead adalah dari Bangladesh. Dia telah diambil untuk bekerja di Malaysia pada awal tahun 2018. Dia telah diguna khidmat oleh STAR Engineering Services, sebuah syarikat perkhidmatan penyamanan udara dan pengalihan udara mekanikal, walaupun pasportnya menunjukkan bahawa majikan rasminya ialah Zenith Electrics.

Pada 28 Disember 2019, dia telah dihantar ke Triple Towers Luxury Condominium (Triple Towers). Triple Towers diuruskan oleh Luxury Management Corporation. Saya telah diberitahu oleh polis bahawa dia telah menggunakan tangga bomba untuk memanjat ke bahagian atas suatu pendingin di dalam bilik mekanikal dan elektrik. Semasa berdiri di bahagian atas pendingin itu, dia telah menggunakan telefon bimbitnya untuk mengambil gambar salah satu suis. Dia telah memegang telefonnya dengan satu tangan dan menggunakan tangannya yang satu lagi untuk zum dekat bagi mendapatkan gambar suis aliran yang diambil dari dekat sebelum dia terjatuh dari ketinggian 10 kaki. Kini dia lumpuh dari leher ke bawah. Tiada rel adang di bahagian atas pendingin itu dan majikan Janead tidak menyediakan apa-apa perkakas atau tali pinggang keselamatan kepadanya.

Pada masa kejadian itu, dia berumur 32 tahun dan memperoleh pendapatan sebanyak RM3,000.00 sebulan. Dia akan menghantar RM1,800.00 sebulan kepada saya yang akan saya gunakan untuk menjaga isterinya, Khatijah dan dua orang anaknya, Ali dan Baidu.

Janead telah menghabiskan masa selama 125 hari di Hospital Sun KL dan 150 hari lagi di Hospital Besar KL. Selepas itu, disebabkan dana yang tidak mencukupi, saya tiada pilihan melainkan untuk menerbangkannya pulang ke Dhaka. Kini dia tinggal secara tetap bersama-sama keluarganya. Dia tidak boleh bergerak dan isterinya terpaksa meninggalkan kerja kilangnya yang pendapatan diperolehnya lebih kurang RM600.00 sebulan di Dhaka untuk menjaganya.

Majikan rasminya telah membayar penerbangan pulangnya tetapi telah gagal melanjutkan perlindungan PERKESOnya (SOCISO) pada tahun 2019 dan telah tiada perlindungan insurans.

Saya berjaya mengumpulkan RM50,000.00 untuk menampung bil hospital tetapi saya masih berhutang dengan Hospital Sun sebanyak RM25,000.00.

Saya telah berjumpa dengan dua orang peguam yang lain tetapi apabila salah seorang daripada peguam itu menghantar suatu notis tuntutan, STAR Engineering Services yang dimiliki oleh Ibrahim Ali [No. K/P: 500505-05-5555] dan Zenith Electrics yang dimiliki oleh abangnya Zaman Ali [No. K/P: 530303-05-7778] telah menafikan liabiliti dan mahu saya mendepositkan jumlah wang sebanyak RM100,000.00 dengan peguam mereka sebagai jaminan kos. Saya tidak mampu untuk berbuat demikian.

Saya telah membawa dokumen yang berikut:

- a. Laporan polis oleh A. Mahadevan, seorang penyelia di STAR Engineering Services.
- b. Laporan Perubatan Pakar oleh Dr. Mohan dari Hospital Besar Kuala Lumpur.

Saya juga telah membelanjakan:

- a. RM5,000.00 bagi tiket penerbangan dari Dhaka ke Kuala Lumpur.
- b. RM17,500.00 bagi kos penginapan dan perjalanan ke hospital.”.

(a) **Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat secara komprehensif mengenai kausa tindakan yang mungkin berbangkit. Nasihat anda sepatutnya juga menunjukkan apa-apa pembelaan tentang liabiliti yang tersedia kepada mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai bakal defendan atau defendan-defendan. Nasihat anda juga sepatutnya merangkumi isu mengenai bagaimana undang-undang boleh melindungi Janead.**

(15 markah)

(b) **Jika anda membuat kesimpulan bahawa terdapat kausa tindakan yang tersedia, anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai pelbagai butiran ganti rugi yang boleh dituntut, akibat daripada kejadian itu, yang menjelaskan dengan teliti bagaimana ganti rugi sedemikian ditaksirkan oleh Mahkamah. Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat mengenai prinsip yang berkaitan dengan taksiran ganti rugi dalam kes ini.**

(15 markah)

(c) **Sediakan Pernyataan Tuntutan untuk difailkan terhadap orang yang bertanggung bagi ganti rugi itu yang berbangkit daripada kausa tindakan yang mungkin itu.**

(20 markah)

LAMPIRAN A**LAPORAN POLIS**

BALAI POLIS : BRICKFIELDS
NO. LAPORAN : 999/19
ORANG YANG MEMBUAT LAPORAN : A. MAHADEVAN
TARIKH & MASA LAPORAN : 29 DISEMBER 2019 @
2 PAGI
JANTINA : LELAKI
UMUR : 46 TAHUN
PEKERJAAN : PENYELIA STAR
ENGINEERING SERVICES

Pada lebih kurang pukul 4.30 petang pada 28.12.2019, saya telah diarahkan oleh bos saya, Ibrahim Ali untuk pergi ke Triple Towers Luxury Condominum. Saya membawa bersama seorang pekerja bernama Janead Ahmad [No. Pasport Bangladesh: A77744444]. Kami berada di sana untuk membaiki pendingin. Kami membawa tangga bomba dengan ketinggian 20 kaki kepunyaan kami sendiri yang digunakan oleh Janead untuk memanjat ke bahagian atas pendingin itu atas arahan saya. Apabila dia sampai di bahagian atas, dia telah menggunakan telefon bimbitnya untuk mengambil gambar pendingin itu atas arahan saya juga. Tiba-tiba, dia terjatuh dari ketinggian 10 kaki dan belakangnya terhempas ke lantai simen. Dia tidak boleh bergerak. Saya telah menghubungi ambulans dan dia dikejarkan ke hospital yang terdekat, iaitu Hospital Sun lebih kurang pukul 6 petang. Dia telah dimasukkan ke hospital itu dan dia masih tidak sedarkan diri semasa saya meninggalkan hospital itu.

t.t.

.....

A. Mahadevan

LAMPIRAN B**Hospital Besar KL****Laporan Perubatan Pakar****Ruj. Kami: 5577/2020****Tarikh: 17.7.2020****Per: Laporan Perubatan Janead Ahmad**

Orang yang dinamakan di atas telah dipindahkan ke Hospital ini pada 3.5.2020 dari Hospital Sun. Dia telah terlibat dalam suatu kejadian di tempat kerja di mana dia telah terjatuh dari ketinggian lebih kurang 10 kaki.

Akibat daripada kejadian itu, dia mengalami:

- a. Keretakan teruk pada vertebra toraks ke-12 (T12)
- b. Dislokasi teruk pada aras vertebra T11-T12
- c. Kelumpuhan menyeluruh kesemua anggota disebabkan oleh kecederaan tulang belakang
- d. Inkontinens – yang menghendaki pengkateteran sendiri berselang-selang yang berterusan

Dia tidak boleh meneruskan kehidupan normal akibat daripada kelumpuhan itu.

Dia mempunyai jangka hayat lebih kurang 25 tahun dari tarikh kecederaan itu dan memerlukan sama ada pembantu domestik atau anggota keluarga untuk menjaganya. Dia menghendaki tilam beralun khas dan katil elektrik yang mempunyai fungsi tinggi-rendah selain kerusi roda yang mempunyai tandas mudah alih. Dia menghendaki penukaran 2 keping lampin secara harian dan kateter urinari untuk mengosongkan pundinya.

Terima kasih.

t.t.

.....

Dr. Mohan

oOOo